



Headline	Wild Dome bukti cinta flora Suzairi		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	11 Apr 2021	Color	Full Color
Section	Global	Circulation	166,774
Page No	17TO19	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	2194 cm ²
Journalist	TENCKU DANISH BAHRI TENCKU YUSOFF	AdValue	MYR 56,938
Frequency	Daily	PR Value	MYR 170,814



Headline	Wild Dome bukti cinta flora Suzairi		
MediaTitle	Kosmo Ahad	Color	Full Color
Date	11 Apr 2021	Circulation	166,774
Section	Global	Readership	500,322
Page No	17TO19	ArticleSize	2194 cm ²
Language	Malay	AdValue	MYR 56,938
Journalist	TENCKU DANISH BAHRI TENCKU YUSOFF	PR Value	MYR 170,814
Frequency	Daily		

Pusat konservasi tumbuhan liar di rumah jurugambar



Oleh
TENGKU DANISH
BAHRI
TENGKU YUSOFF

ANCAMAN kepupusan terhadap hidupan flora mendorong seorang jurugambar bebas mengambil inisiatif memulihara sendiri hampir 400 jenis tumbuhan di kediamannya sejak tujuh tahun lalu.

Diberi nama WildDome, pusat konservasi dan kajian ex-situ di Kampung Sungai Tong, Setiu, Terengganu itu bukan sahaja menjadi tumpuan penyelidik tempatan, malah turut dijadikan tempat rujukan oleh penyelidik antarabangsa.

Suzairi Zakaria, 45, atau lebih dikenali dengan nama pena, Dome Nikong berkata, usaha mengumpul pelbagai jenis tumbuhan termasuk 250 spesies orkid itu turut didorong oleh minat yang sangat mendalam terhadap tumbuhan berkenaan.

Katanya, selain spesies orkid, beberapa jenis tumbuhan turut berada dalam senarai koleksi di WildDome antaranya *hoya*, *begonia*, periuk kera, keladi, paku-pakis dan palma.

Begitupun, spesies orkid menjadi koleksi terbanyak kerana keunikan dan keistimewaan tumbuhan tersebut yang boleh ditemui di Terengganu, setanding dengan hutan hujan di Borneo iaitu Sabah dan Sarawak.



BUKU Wild . Terengganu yang diterbitkan Suzairi ini memaparkan koleksi unik flora dan fauna yang terdapat di Terengganu.



SALAH satu orkid liar yang ditemui di Terengganu iaitu *Dendrobium terengganuense*.
INSTAGRAM DIGITALDOME

Suzairi menjelaskan sepanjang penerokaannya di hutan pergunungan di seluruh Terengganu, sebanyak 10 spesies baharu orkid, periuk kera serta *Thismia* berjaya dihuraikan bersama penyelidik tempatan.

Antaranya *Thismia terengganuensis*, *Thismia domei*, *Nepenthes latiflora*, *Nepenthes domei*, *Nepenthes malayensis* dan *Nepenthes xsettuensis* (periuk kera).

"Empat lagi spesies baharu orkid pula kami namakan *Dendrobium aincie*, *Dendrobium ruseae*, *Bromheadia petuangensis* dan *Dendrobium mizanii* - bersempena nama Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin.

"Spesies orkid ini banyak ditemui di kawasan pembalakan selain tumbuh di hujung kayu-kayu balak," ujarnya ketika ditemui Panorama di WildDome baru-baru ini.



SUZAIRI atau nama pemanya Dome Nikong mengusahakan WildDome di halaman rumahnya di Setiu, Terengganu. - PUTQRA HARRY ROSLI



Spesies orkid ini banyak ditemui di kawasan pembalakan selain tumbuh di hujung kayu-kayu balak."

SUZAIRI

SPESIES dinamakan *Pseuduvoria sp.* yang cukup menarik. - INSTAGRAM DIGITALDOME

Headline	Wild Dome bukti cinta flora Suzairi		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	11 Apr 2021	Color	Full Color
Section	Global	Circulation	166,774
Page No	17TO19	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	2194 cm ²
Journalist	TENCKU DANISH BAHRI TENCKU YUSOFF	AdValue	MYR 56,938
Frequency	Daily	PR Value	MYR 170,814



Suzairi mengakui untuk menemui spesies orkid di tengah hutan belantara bukan tugas mudah sehingga pernah bermalam selama tujuh atau lapan hari di kawasan bukit dan gunung berkenaan.

Hasil penerokaan tersebut, Suzairi melihat pelbagai ancaman bukan sahaja terhadap spesies orkid bahkan kepada khazanah biodiversiti flora secara keseluruhan antaranya pencemaran dan pembalakan.

Atas kesedaran itu katanya, WildDome diwujudkan sebagai antara langkah untuk memastikan pemuliharaan spesies orkid dan tumbuhan lain dapat dijaga pada tangan yang betul.

Beginipun pusat konservasi dan kajian tersebut pernah mengalami kerosakan teruk akibat hujan lebat pada musim tengkujuh beberapa tahun lalu mengakibatkan hampir semua koleksi tumbuhan dijangkiti kulat dan mati.

Suzairi berkata, puluhan ribu ringgit telah dikeluarkannya sebagai modal tanpa bantuan mana-mana pihak sebagai tanda kecintaannya terhadap flora sejak 2014.

"Lebih membanggakan saya apabila Sultan Terengganu sudi mencemar duli melawat WildDome dan baginda turut meminati spesies tumbuhan seperti orkid."

"Menjaga spesies orkid sebagai tanaman tidak terlalu sukar tetapi kulat boleh menjangkiti pokok jika terlalu basah dan lembap seterusnya mati," ujar Suzairi.

Berkongsi pengalamannya merungkai spesies baru orkid, Suzairi berkata, universiti tempatan iaitu Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) banyak membantu dari aspek data serta kajian mendalam terhadap tumbuhan tersebut.

Tidak ketinggalan Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang masing-masing berkongsi penyelidikan mereka demi kelestarian flora yang kian diancam kepupusan.

Kerjasama itu membuktikan pengiktirafan terhadap usaha Suzairi. Bahkan pada tahun lalu, satu spesies baru orkid telah ditemui di Guatemala dan dinamakan sempena jasa Suzairi iaitu *Chysis domei* oleh ahli botani negara Amerika Selatan itu.

Chysis domei merupakan nama ketiga yang dinamakan sempena dirinya selepas *Nepenthes domei* dan *Thismia domei*.

Memanfaatkan kemahiran membidaik kamera, kini Suzairi juga dalam perancangan menerbitkan buku terbitannya berkisar tentang kehidupan spesies orkid yang



SUZAIRI melihat bunga orkid *Dendrobium farmeri* yang dipulihara di WildDome.

E K S T R A WILDDOME

- Terletak di kediaman jurugambar bebas, Suzairi Zakaria di Kampung Sungai Tong, Setiu, Terengganu
- Pusat konservasi tumbuhan liar yang mengumpul pelbagai jenis tumbuhan antaranya 250 spesies orkid
- Selain spesies orkid, beberapa jenis tumbuhan turut berada dalam senari koleksi di WildDome antaranya *hoya*, *begonia*, *periuk kera*, *keladi*, *paku-pakis* dan *palma*
- Pusat konservasi yang mula beroperasi sejak tahun 2014 ini turut dibuka kepada orang ramai untuk dikunjungi

SPESIES *hoya* yang ditemui pada tahun 2018 di Terengganu.
— INSTAGRAM DIGITALDOME

dijadualkan berada di pasaran tahun ini.

Katanya, sebanyak 15,000 keping bahan gambar berada dalam simpanannya dan bersedia untuk dibukukan kepada pencinta spesies orkid yang berkongsi minat sama.

Naskhah itu menurutnya adalah kesinambungan daripada buku nukilannya, *Wild Terengganu* setebal 100 muka surat yang terjual lebih 200 unit termasuk mendapat permintaan dari Singapura, Kanada dan Amerika Syarikat.

Mengakhiri bicaranya, Suzairi berharap agar alam sekitar khususnya hidupan flora dapat dijaga rapi untuk tonotonan generasi akan datang.

Semua pihak jelasnya perlu memainkan peranan dengan melindungi hutan tropika antaranya dengan mengetarkan undang-undang atau penubuhan lebih banyak Taman Negeri.

"Terengganu kaya dengan khazanah flora setanding dengan kawasan terkenal di dalam dan luar negara, malah masih banyak kelebihan biodiversiti yang belum diterokai."

"Keunikan itu, bagaimanapun boleh musnah sekilip mata sekiranya pihak bertanggungjawab bersikap tutup mata terhadap aktiviti pembalakan dan perusuhan hutan yang tidak terkawal," katanya.

